

UMS Lokasi Penganjuran Konsert Jelajah Malaysia Maher Zain 2019

Terakhir dikemaskini: Rabu, 13 Mac 2019 14:13 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 422

[Kongsi 0](#)[Syorkan 0](#)[Kongsi](#)[Tweet](#)[Share](#)

SELASA, 12 MAC - Universiti Malaysia Sabah akan menjadi lokasi akhir penganjuran Konsert Jelajah Malaysia Maher Zain 2019 pada 17 Mac ini.

Bertempat di Dewan Canselor UMS, universiti ini dipilih sebagai lokasi penganjuran untuk di Sabah selepas siri jelajah di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Bercakap dalam sidang media konsert berkenaan di UMS semalam, penyanyi antarabangsa yang dikenali menerusi lagu berkonsepkan ketuhanan itu tidak sabar membuat kemunculan sulung bagi menghiburkan peminatnya di negeri ini.

“Walaupun kali pertama datang ke Sabah namun suasananya sudah mula menambat hati dan semangat mengadakan konsert hujung minggu ini kian membara.

“Konsert besar ini pastinya akan menjadi salah satu memori terindah dalam perjalanan kerjaya seni saya kerana Malaysia merupakan antara negara yang sering dikunjungi,” kata penghibur kelahiran Lubnan itu.

Turut hadir pada sidang media tersebut Pengasas dan Presiden My Event International, Shahul Dawood, dan Penolong Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Marcus Jopony.

Tiket boleh dibeli dengan menghubungi 03 8070 7666 atau membuat pembelian secara atas talian di www.tixmalaysia.com.